- THY : *Dio [dia] hargo ni dio [dia] Kelate [Kelantan] ni dio [dia] bukei [kan] macei Kuala Lumpur. Dio [dia] kadei-kadei [kadang-kadang] Kelate [Kelantan] ni, dio [dia] tidak menghidupkan kebudayaan, dio [dia] akei [akan] meruntuhkan kebudayaan. Bayaran dio [dia] habih-habih tinggi lima puluh [50] ya [ringgit] jah sore hok [yang] istana. Buke dio [dia] tiga [3] lima puluh [50] ya [ringgit]. Pah [lepastu] keno [kena] gi raptai lagi. Kalu [kalau] kito [kita] nok [nak] wak [/buat] persembahan malei ni, petei ni keno [kena] raptai dulu haa. Denge lima puluh [50] ya [ringgit] ja. Bukan itu pun, tapi bagi kito [kita] darah seni ni walau tokleh [tidak boleh] pitih [duit] pun main. Bermakna kita mendukung seni kebudayan kita tu, kita tidak nilai bayaran. Kito [kita] noknya kepuasan kito [kita] tu, ho pitih [duit] tokleh [tidak boleh] pun takpo kepuasan kito [kita] lepas. Bermakna lagu tu, demo buke nok [nak] ke demo haa buke nok [nak] ke demo cumo kito [kita] nok [nak] kepuasan kito [kita] tu kerano daroh seni tunas seni dalei [dalam] dio [dia] jadi sebatи denge daging daroh kito [kita] doh [dah]. Dengan roh insan nyawa doh [dah]. Dio [dia] tokleh [tidak boleh] nok [nak] wak [/buat] apo doh [dah], toksoh kato gapo [apa] pun ore seni ni, walau penat taroo mano [mana] pun. Eh masa penat ni beraso la, beraso la letih perasaan lain letih ni. Dio [dia] ado la mari perasaan gitu gini. Lepastu bereh la (ketawa kecil). Takdok [tiada] gapo [apa], dio [dia] kalu [kalau] sungguh-sungguh darah seni dio [dia] tahu la perasaan ni, tapi gak sedak [seronok] la.*

AF : Okay [*baiklah*] soalan seterusnya, bolehkah encik terangkan proses belajar mengendalikan alat muzik tradisional ini?

THY : Dia proses belajar ni boleh, boleh buat *takdok* [tiada] masaloh, boleh buat la bulih tunjuk ajar la bendo ni tapi masalohnyo dia *kadei-kadei* [kadang-kadang] proses ni *kito* [kita] tenaga pengajar ni perbuatan ni pengajian ni *dio* [dia] buke nga [dengan] secara mari belajar harini bulih harini. Dia *kadei-kadei* [kadang-kadang] tu, contoh *kalu* [kalau] *kito* [kita] *nok* [nak] buat gendang sebutir *dio* [dia] kurei-kureinvo [kurang-kurangnya] *keno* [kena] duk sebolei baru boleh secara detail. *Kalu* [kalau] buat nga secara gini, *nok* [nak] pahat pun, pege pahat pun *tok* [tak] berapo *mano* [mana] *nok* [nak] *katok* [ketuk]. *Nok* [nak] *katok* [ketuk] palo pahat *tokleh* [tidak boleh] lagi. *Pah* [lepastu] tu so *kito* [kita] kato *nok* [nak] buat bentuk *nok* [nak] cari *lubei* [lubang], *tokleh* [tidak boleh] nak buat secara detail. *Kito* [kita] kato asas gendang, ho tebuk lubang laguni *hok* [yang] *dio* [dia] bui pepeh biar la *tok* [tak] sudoh pun. Cumo jadi macei [macam] *kito* [kita] kato, *kito* [kita] larik *hok* [yang] tebuk *hok* [yang] lain, *kito* [kita] tunjuk *hok* [yang] lain. Tunjuk *hok* [yang] siap *doh* [dah]. Ha *kito* [kita] *toksei* [tidak mahu] bendo tu, *kito* [kita] *nok* [nak] buat dari tebuk tu sapa [sampai] sudoh [siap] sebutir, tempat *mano* [mana] *hok* [yang] *dio* [dia] *kito* [kita] *tok* [tak] puah hati tu, *kito* [kita] *nok* [nak] suruh bekki [baiki] *hok* [yang] tu jadi *nok* [nak] bui jadi comei sungguh. *Kalu* [kalau] buat denge secara tidak detail denge secara kita tidak puas hati, takkei [tidak akan] pandai *sokmo* [selalu]. *Kito* [kita] *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] bezo, *takdok* [tiada] perbezaan ni bermakna *kalu* [kalau] *kito* [kita] boleh dengan detail. Kita kata nombor satu [1] *lubei* [lubang],

lubeilah loni body tu nombor dua [2]. Body *kito* [kita] *nok* [nak] buat betul pun boleh, *kito* [kita] *nok* [nak] buat body pun boleh, haa *lubei* [lubang] ni meme [memang] payoh. *Keno* [kena] ngaji benarla *lubei* ni. Mato kena tajei [tajam] benar *lubei* [lubang] ni. Fikiran kena waras benar, hati kena telus, jujur sungguh. *Kalu* [kalau] hati *tok* [tak] jujur, mato rabun, telingo *tok* [tak] dengar haa sudoh *tok* [tak] jadi barei. *Dio* [dia] sudoh atah hati, hati *kito* [kita] kato ni takpo *doh* [dah], puah hati haa sudoh situ la. *Kalu* [kalau] hati kokni, fikiran kokni, mato tengok laguni haa sudoh, *tok* [tak] jadi. Tapi *kadei-kadei* [kadang-kadang] kato mudoh, aii mudoh *goni* [macam ni]. Jange duk buat mudoh, meme payoh. Pok Joh dulu *nok* [nak] bulih pun meme ai, *tok* [tak] nero tido male duk mikir. *Kito* [kita] duk mikir, sapa *kito* [kita] *pejei* [pejam] mato *hok* [yang] khandok [kehendak] *kito* [kita] *nok* [nak] tu *kito* [kita] ado *bayei-bayeinge* [bayangan-bayangan] dale mato. *Kito* [kita] *nok* [nak] *bui* [bagi] jadi macei *dalei* [dalam] bayangei *hok* [yang] *dalei* [dalam] mato *kito* [kita]. *Kito* [kita] *pejei* tido tu pun napok [nampak], body laguni, *lubei* [lubang] laguni [macam ni]. *Kito* [kita] *nok* [nak] bulih bendo lagutu [macam tu] barulah puas hati. Okay

**AF :** *Okay* [*baiklah*] soalan seterusnya berapa lamakah ketahanan sesebuah alat muzik tradisional?

**THY :** *Okay* [*baiklah*] dia ketahanan ni dia gantung atas kayu. Haa nombor satu [1] kayu, nombor duo [2] penjagaan. *Dio* [dia] *kalu* [kalau] ketahanan kayu ni kita kena cari kayu betul-betul kayu yang molek. *Kalu* [kalau] kayu *hok* [yang] *kito* [kita] *nok* [nak] buat tu *tok* [tak] puah hati, *tokdei* [tak sempat] lamo. Buat boleh *tokdei* [tak sempat] lamo *makei* [makan] bubuk. Haa *kalu* [kalau] kayu *hok*

[yang] jenis *takdok* [tiada] ketahanan *dio* [dia] mudoh jadi reput. Haa bendo tu kayu ni, kita nak kayu *hok* [yang] paling *tehei* [tahan] *sapa* [sampai] dua ratus [200], Pok Joh ado tiga ratus [300] tahun sebutir gendang tu, tiga ratus [300] tahun umur, ado tu. Empat [4] generasi denge Pok Joh, empat [4] *orei* [*orang*] denge Pok Joh pakai gendang tu. Tiga ratus [300] tahun *tok* [tak] kurang gendang tu, serunai ado dua ratus [200] tahun, *tawok* [tetawak] *hok* [yang] duk Main Teri dulu dale empat [4] generasi jugok tawok [tetawak]. Tu barang-barang lama sajo tu. Ketahanan *dio* [dia] kayu ni nombor [1] kayu nangka. Kayu nangka ni kualiti ketahanan *dio* [dia], cengal atau merbau takleh tahan dia. *Kalu* [kalau] jenis alat muzik ni dia merbau *kalu* [kalau] la kayu buruk makan diri jugok. *Kalu* [kalau] nangka ni, *kalu* [kalau] bulih tera *hok* [yang] asli tiga ratus [300] empat ratus [400] tahun *dei* [sempat]. Itu atas penjagaan kita, haa *dio* [dia] *goni* [macam ni], penjagaan ni tidak payah, dia *toksei* [tidak mahu] air basah-basah hujan tiris *ko* [ke], *keno* [kena] letak tempat betul-betul kering. *Dalei* [dalam] aircond *toksei* [tidak mahu] *goni* [benda ni], *toksei* [tidak mahu] duduk *dalei* [dalam] aircond barei *goni* [macam ni] *tokleh* [tidak boleh]. Jaga gitu jela bermakna *kalu* [kalau] la kita kata nampak nak jadi kulat tu, kita clear bilas semula. *Kito* [kita] jago, kayu nangka la. Buat boleh belaka kayu *gapo* [apa]-*gapo* [apa] pun tapi ketahanan nak melebihi pada nangka tidak boleh.

**AF : *Okay /baiklah*, soalan seterusnya apakah contoh bahan-bahan yang digunakan untuk membuat alat muzik tradisional?**

**THY :** -- Alat untuk kegunaan contohnya gendanglah, gendang rebana dikir dia, geduk saja lain. Gendang ni dia sama, cuma geduk dia beza sedikit alat-alat dia.

Gendang ini dia nombor satu kulit, rotan, buluh *takdok* [tiada] dohla. Dia kulit lembu, kulit kambing, rotan, buluh untuk bikar. Masa loni *dio* [dia] mengikut asli, masa loni kita buat dengan secara mudah, cara mudah la loni. Dia *hok* [yang] penting itula, rotan, kulit. Rotan tu apabila dia satukan, rotan tu boleh guna dua [2]. Rotan dia boleh guna untuk buat cucuk ini so, untuk buat lilit dia ngembang tu, ha rotanla. Benda tak comei guna alat barei-barei tu *nok* [nak] buat benda tu, tapi mugo *kito* [kita] kato maso loni, barei *dio* [dia] koho payoh koho payoh. Hutan habis dah, lepastu nak ambik rotan mana lagi [ketawa kecil]. Hutan terang benderang dah, dulu nak rotan kena masuk bukit la masuk hutan la, loni *takdok* [tiada] *doh* [dah]. Bahan-bahan itu memang payah, kayu Nangka pun payah loni. Nak cari kayu Nangka *hok* [yang] tua la, pokok nangka ni kalau alik sini seratus [100] tahun *tokleh* [tidak boleh] *nok* [nak] buat. Nak buat boleh tapi *takdok* [tiada] orang try la. Itu jela tahan, semua kayu boleh buat tapi kalau kualiti tu pokok Nangka.

**AF : *Okay [baiklah]* soalan seterusnya, apakah kaedah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan ketahanan alat muzik tradisional?**

: *Okay [baiklah]*, untuk nak tahan dia *goni* [macam ni], dia *memei* [memang] tak payah. Lagutu jaga ketahanan dia tu, kualiti dia tu. Dia kulit nombor satu [1], dia tidak boleh kena air. Dia barang kulit *kok-kok* [ikut-ikut] mana pun tidak boleh dengan air. Mace benda lain tu takpo la, mace kayu tu takpola. Dia kalau kulit ni, kena hujan pun tidak boleh dah, haa tidak boleh. Gok kalau kayu ni kena hujan tiada masalah lagi, kita kena jaga kulit la. Selepas itu kita kata, ketahanan dia tu kita kena jaga betul-betul la. Dia kalau kekadang ni, kulit dia

cemar kan, dia jadi hitam berdaki haa kita kena basuh la, kena cuci la. Cuci semula tu biar dia *kelik* [balik] asal cahaya kulit asal. Dia kulit ni, dia takkan berubah, walau kulit lembu kulit kambing pun cahaya dia tidak berubah. Berubah cahaya tu kerana daki dalam tangan, air daki peluh *hok* [yang] kita duk palu tu melekat kulit jadi hitam. Basuh jadi serupa air *caa* [air buangan] hitam, boleh basuh tiada masalah tapi basuh kena pandai la. Kalau basuh serupa mandi budak, mandi lembu haa sudoh *takleh* [tidak boleh] jugok. Kena pandai, dia ada kaedah dia. Kadang-kadang demo tak basuh pun loni, hitam dengan begitu sampaikan pecah. Kalau kita jaga dia tahan sebab tak buruk. Berpuluhan tahun tak pecah kalau betul-betul jaga. Kalau tidak jaga tiga [3] tahun pun pecah. Hujan pun demo *tok* [tak] caro, *pah* [lepas itu] *kito* [kita] kalau hujan gendang la kita buat lari dulunya (Tokoh ketawa). Benda lain *kito* [kita] tak buat lari, *kakah* [peralatan] kulit kita buat lari dulu. *Kakah* [peralatan] *hok* [yang] modul lain tak alih takpe. *Goni* [benda ni] *hok* [yang] penting, kita kena jaga betul dia *goni* [macam ni] pasal dia jenis itu sangat sebab barang kulit.

**AF** : *Okay* [*baiklah*], kami mendapati encik juga pandai dalam bermain wayang kulit. Adakah encik mempunyai alat muzik yang spesifik untuk digunakan ketika bermain wayang kulit?

**THY** : *Okay* [*baiklah*], alat muzik wayang kulit ni semua hak pakcik, semua *hok* [yang] pakcik duk main. Dia kadang-kadang alat muzik wayang kulit ini satu hal jugakla. Muzik wayang kulit ini kita kata bukan asalkan bunyi. Dia muzik wayang kulit ni, kita nak walau geduk walau gendang walau gedomok kita nak

barang *hok* [yang] comei belaka. Walau canang, gong, kita nak barang kelas A belaka, bermakna kalau suara pun kita nak suara kelas A. Haa *toksei hok* [yang] B, *hok* [yang] C kita *toksei*. *Hok* [yang] demo nak pakai, kelas B C pun pakailah, tidak masalah. Cuma kita nak barang *hok* [yang] *kito* [kita] main tu kita nak barang *hok* [yang] diri puas hati. Kalau kita dengar barang sogho laguni orang dengar pun serupa kita jugak. Kalaula barang kita tu suara merdu menari molek, orang dengar serupa kita jugak. Bermaknanya kita kena pilihlah, kadang-kadang tu serupa pakcik ni takpelah pilih mugo barang buat sendiri, *hok* [yang] kurang kita jual *hok* [yang] molek kita taruh simpan. Haa kita buat lagutu. Meme payoh, kadang-kadang muzik ni, contoh kalau panggung muzik *hok* [yang] kulit ni semua ala muzik tu kita nak bui jadi seimbang. Walau geduk walau gong, serunai kita ukur lagi suara kita nak. Jadi, dia nak jadi sebatu tu, macei kita takpelah boleh tune nak setaro mano, ada boleh tune kan. Nak bass setaro mano, dia boleh tune. *Dio* [dia] *goni* [benda ni] ni *tokleh* [tidak boleh] tune, kalau dia sudah cuma tune di telinga. Gendang ibu gendang anak setaro mano, canang setaro mano *kito* [kita] nok, casie biasa haa kita tak perlu tune casie ni. Kalau canang kita kena tune, kalau gendang pun kita kena nilai dah. Bermakna suara kedudukan tu kita kena seimbang dah. Suara anak nak setaro mano, ibu nak setaro mano. Anak tu meme suara piring, anak ni kok kok mano pun takpola tinggi pun. Meme payoh *nok* [nak] jumpa benda sepanggung ni *hok* [yang] kita puas hati. Kadang-kadang *kakah* [peralatan] lain molek, *kakah* [peralatan] bawoh ni molek, *tawok* [tetawak] pulok. Dikucar di *tawok* [tetawak] pulak. Dia nak seimbang, dia kadang-kadang ni kalau kita nak, kalau ibarat kita *nok*

[nak]bui bunyi macam boleh dalam masa gabungan tu kita kena bui mace lebah terbang. Macam suara lebah terbang [bunyi lebah terbang]. Kita nak contoh, walau geduk, geduk ni suara lain. Apabila gabungan masuk, dia jadi satu, tokol [terkumpul] haa sini *hok* [yang] payoh ni, payoh. Kadang-kadang demo asalkan bunyi ho takpo *doh* [dah]. Kita takleh lagutu, jadi *takdok* [tiada] kepuasan kita. Kita nak benda *hok* [yang] mari dalam telingo, makan sini bermakna lepas kita dengar sedak [sedap] *pah* [lepastu] orang lain, tak ubah lagi. Itu je, kalau kita tak pandai memalu sikit kalau *kakah* [peralatan] sedak [sedap] orang *ralik* [leka] jugok. Tu penting tu, sabik pakcik *takdok* [tiada] alah *kakah* [peralatan] *hok* [yang] *bolok* [selekeh] tu, berkilat *sokmo* [selalu]. Bakpo tu, [Kenapa itu,] sebab kita kena jaga tu, jaga kecantikan,ketahanan. Haa kita kena jaga la, *hok* [yang] pameran untuk kecantikkan. Ni orang tengok pameran *bolok* [selekeh] lagutu, alohh. Jadi situ kita kaloh doh.

**AF : Kami mendapati encik juga mahir membaiki alat muzik tradisional, jadi soalannya, apakah alat yang encik gunakan untuk membaiki?**

**THY :** *Okay* [baiklah], dia kalau untuk membaiki alat muzik ni, kita mengikut kategori alat muzik tu, dia bukan sama. Kita kata alat dia kalau gendang, gedombak, rotan la, kulit. Kalau gendang ni tiga kita guna, kalau bikar buluh, kulit kambing, kulit lembu, rotan, kalau rotan mengikut istilah bahasa dulu Kelantan la, *hok* [yang] lilit *hok* [yang] bulatan tu *kei* [kan] dia panggil ngembang. Rotan mengembang *hok* [yang] tu, *hok* [yang] ni *hok* [yang] tarik itu ni rotan gambir dia panggil. Haa dia sama je rotan. Lepastu buluh, buluh tu bikar lepastu ikat

dengan tali rapia.

AF : *Okay [baiklah] soalan seterusnya, adakah membaiki alat muzik ini sukar untuk dilakukan?*

THY : *Okay [baiklah], dia kita nak membaik pulih alat muzik ni, alat-alat muzik yang tertentu sahaja yang payah, yang susah sikit. Dia kalau macam gendang, geduk, gedombak ni tidak berapa susah mana la. *Hok* [yang] paling susah kompong la. Dia kompong ni paling susah kerana Pok Joh kata begitu kerana kompong ni kerana kena paku apabila kita nak membaik pulih kita kena cabut paku itu. Kena cabut semua paku, benda ni macam alat muzik lain ni macam gendang ko gerombak ko *paka* [terus] buh buh gitu jah. Cuma perbuatan tu hola *dio* [dia] *kijo* [kerja] ni *takdok* [tiada] bendo *hok* [yang] kesenangan, cumanya atas kita *beso* [biasa] atau *tok* [tak] *beso* [biasa] ni bermakna dah ada pengalaman, kita dah tahu cara buat *gotu* [benda tu] gini senangla. Haa kalau toktahu *nok* [nak] buat *tokleh* [tidak boleh]. *Nok* [nak] buat *tokleh* [tidak boleh] kerananya *kito* [kita] tok pernah buat *pah* [lepas tu] *kito* [kita] tengok *hok* [yang] ore laguni, *kito* [kita] tengok contoh *hok* [yang] ore tu *kito* [kita] tengok duk perati cumo *kito* [kita] tidak pernah buat. *Kito* [kita] tengok tu napok senei, tapi apabila kita jamoh *nok* [nak] buat marilah perasaan susah, sebabnya pengalaman tu *takdok* [tiada]. Kadang-kadang, ore *hok* [yang] duk buat pengalaman sekalipun denge caro duk tengok *hok* [yang] dalam TV lain pade *dio* [dia] duk buat, caro *hok* [yang] *dio* [dia] buat tu buke *dio* [dia] caro, caro *hok* [yang] *dio* [dia] buat tu bukei caro. Pah [lepas tu] *nok* [nak] jadi molek lagumana cara dia buat tu tidak *keno* [kena] *doh* [dah] denge caro tu. Dia tidak serupo, sabit kata Pok Joh *kalu**

[kalau] bendo *hok* [yang] *kito* [kita] berasa takleh buat, Pok Joh tak *akei* [akan] buat. Melainkan kena gi nutut guru dulu, kena gi terima ilmu dulu baru boleh buat. Dengan caro *kito* [kita] *nok* [nak] buat, caro supo pejam mata *tok* [tak]leh *keno* [kena] jago situ. Bendo tu mudoh sangat, serupa gambir gendang, bila kata nak bulih rukup kulit tu, *nok* [nak] bulih gulung kulit di bikar tu kalau tak kena cara payoh, *kalu* [kalau] *keno* [kena] cara mudah. Setengah-setengah duk buat tu dia nak rukup kulit kambing kulit lembu dia paku di balun sekeliling tu, bermakna rukup bikar baru nak selit masuk dalam tu payah la. Kita buat cara lain, kita buat cara gulung kulit bikar luar lagi, tidak perukup atas gendang. *Pah* [lepastu] kita kata masalahnya kulit selagi takleh kehendak kelembutan kulit tu kita rendam lagi sabik dia jadi lendit. Ni kalau kulit dia serkup gitu kulit jadi nak masuk *gano* [macam mana] dalam tu, memang susahla, payoh sabik pengalaman tu. Kalau kita tak tahu, kita kena tanya orang. Setaro mano weh kita nak rukup gendang ni, tanya orang, jangan pakai guru *hok* [yang] tak tahu *gapo* [apa] kita tu. Dia kena ada benda tu. Bermaknanya, kalau Pok Joh la pengalaman kita bukan semua pandai, *hok* [yang] kita tak pandai kena tanya orang. Kalau tak tanya orang sesatlah jalan kitanya. Sabik Pok Joh duduk tengok pun, mari mikir lemohlah perbuatan demo tu aish, bakpo duk cari benda susah benda senang duk buat susah, dia ada benda kesenangan nak buat tu. Dia berasa dia pandai berasa dia lebih berasa buatan dia comei dan dia duduk situ. Kalau kita, comei setaro mana pun berasa itu, contoh *nok* [nak] buat kulit lagumana wei *nok* [nak] kokoq kulit lagumana wei. Demo kokoq kulit hisap rokok sebatang, tak dan habis rokok dah siap - - -. Kita kokq kulit sekeping hujei takdan tiga jam. Haa kita

kena nilai situ, masa tu. Sabik kata kalau kita tak tahu kita kena tanya, kena balajar. Kita *tokleh* [tidak boleh] kata kita nak buat secara membuta tuli gitu. Payah susah sangat kita, masa *hok* [yang] sepuluh minit gi jadi tiga jam sejam. Kita *toksei* masa celoh tu banyak dah beza, kita gambir *kalu* [kalau] buat *hok* [yang]ni sudoh tiga empat butir dah. *Hok* [yang] ni satu baru sudah, kita kena nilai gitu kita kejar masa. Kadang-kadang ni hola kalau kita oyak gini ho payoh payoh. Payoh *gano* [macam mana] jadi *tok* [tak] reti (ketawa kecil) *kalu* [kalau] dia pandai *dio* [dia] *beso* [biasa] buat senei. Ni dok \_\_\_\_\_.

- AF : *Okay* [baiklah], soalan seterusnya adakah encik mempunyai kedai untuk membaiki alat muzik tradisional ini?
- THY : Dia kedai ni, *takdok* [tiada] kedai pun. *Paka* [terus] *kijo* [kerja] umoh [di rumah]. Makna baiki orang hantar rumah la.
- AF : *Okay* [baiklah] soalan seterusnya berapakah harga yang encik kenakan untuk membaiki alat muzik tradisional?
- THY : Dia mengikut kategori barang jugak, dia bukan semua pun. Geduk harga lain, gendang harga lain, gedombak harga lain, gong harga lain. Dia mengikut susah kerja dengan senang kerja. Kalau mengikut gendang sebutir tukar kulit dalam tiga ratus lapan puluh [380], sebutir la kiri kanan depan belakang la tiga ratus lapan puluh pakkik ambik. Semua dia buat mari semalam je, bahan-bahan pun sedia belaka. *Pah* [lepas] mengikut kalau jatuh atas harga tiga ratus lapan puluh [380] sebutir pun kalau mengikut harga barang-barang tu lekat la dalam dua ratus [200] lebih, dua ratus setengah [250] lekat la. *Pah* [lepas] kita kata kalau mari barang tu, barang tu kita kata *hok* [yang] buruklah barang *hok* [yang]

*bolok [selekeh]*, kita syelek. Bermakna kita buat jadi baru semula la. Kita proses jadi baru semula, ada la dalam tiga ratus lapan puluh [380] sakni. Tu paling-paling murah dahtu, *pah* [lepastu] kalau kita banding kita buat baru, *hok* [yang] baru lapan ratus [800] sebutir. Bayangkanlah atas kayu sebutir mahal sinila mahal ni. Mahal di perbuatan duduk misoh gambir ni, sehari tak sudah. *Hok* [yang] ni la kita kata benda yang kerja *tok* [tak] *padei* [padan] la tapi keadaan pasaran kita ni *jarei* [jarang] kita jual - - -. Kita kira atas *padei* [padan] pendapatan dengan tenaga kita kerja tu. *Okay* [*baiklah*] lah, pasal kita duduk kampung, kampung tidak tekanan lah mano serupa bandar ni lain la. Kadang-kadang tu, *kito* [kita] - - - *kalu* [kalau] dia mari, ore wakil dia duduk bawa wakil kan contoh duduk Singapura mana pun, dia mari Singapura tidak bincang tidak runding harga berapa pun. *Hok* [yang] jong bawa ni duk runding harga, dia tahu *doh* [dah] contoh kita jual seratus *pah* [lepastu] dia mari sini tey empat ratus. Pasal individu *hok* [yang] berhak ni tidak runding sendiri harga tu. Sabik *goni* [benda ni] dia takleh pakai orang tengah. Penat la pakai orang tengah, tiga ratus empat ratus *hok* [yang] seratus tey empat ratus. Tapi ambik, rugi la. Bermaknanya boleh tiga butir, kalau beli dengan tuan sendiri tiga butir *doh* [dah] bulih. Nyanyo jugok tapi loh gi la, Pok Joh pernah kalau demo nak main hargo demo ambik demo *wak* [buat] gi la jangan buat mari customer - - -. Kita *siye* [kesian] jugok kadang-kadang. *Pah* [lepastu] kita *siye* [kesian] pun lagumana, kita bui signal pun dia tak faham. Kadang-kadang kita tahu *doh* [dah] kita kato ni *hok* [yang] pakso, dohni orang tengah duk kato cemok ni haa paksa kena kata. Kita *siye* [kesian] belas dia, kita perit mata pun dia tak faham benda

signal yang kita bagi dia tu. Dekpun *kelik* [balik] gi gok *doh* [dah] tahu *doh* [dah] tempat mari semula la. Tapi lagutu la cara dianya.

**AF : Okay [baiklah] boleh encik nyatakan waktu operasi encik membaiki alat muzik tradisional ini?**

THY : Dia waktu ni *takdok* [tiada] waktu, tidak kata masa-masa tengah pukul lapan [8] sepuluh [10] ke dok. Kadang-kadang tu, lepas lohor [zohor], malam ikut keadaan kita sanggup barang orang tu. Bermakna kalau kita janji dengan orang kita kata barang dalam masa dua hari *kok-kok* [ikut-ikut] mana pun kena siap. - -. Ambik masa kerja ni, kadang-kadang kalau sibuk sungguh barang ni kalau *hok* [yang] tekanan gitu tak tubik mana dah, duk tumpu dia dah. Berhenti waktu dan lepas waktu hisap rokok jamoh dia. Kena pisoh ke dia la, pasal kita pun masa loni tidak tumpu benda lain *doh* [dah], - - - kita tumpu atas dia dah. Bermakna kita gantung mata pencarian atah dia *doh* [dah], kita *takdok* [tiada] *doh* [dah] nak tanam sayur. Kita pun *takdok* [tiada] tekanan *doh* [dah]. -----

**AF : Okay [baiklah] soalan seterusnya dimanakah tempat tersebut dibangunkan untuk membaiki alat muzik tradisional ini?**

THY : Dia *kijo* [kerja] *goni* [macam ni] dia barang ringan, kalau kita nak buat ikut selera kita nak duduk. Kadang-kadang malam dekat rumah. Dia kerja *goni* [macam ni] bising tak bising. Malam bangun rukup gendang tu *hok* [yang] duk jemur tu pukul dua belas [12] semalam. Kalau kita rasa tak jenero tido berasa teringat barang orang nak lama lama sebab baruni banjir kan, dia mari sebelum banjir lagi tu sebab tak boleh nak buat. *Doh* [dah] loni panas boleh buat dahla. Dua belas [12] malam bangun (ketawa), dia masa ni tidak masa tertentu.

Kadang-kadang tu kalau kita berasa tak *cekak* [larat] kan, berasa panik *gapo* [apa] berhenti seminggu pun berhenti tak *jamoh* [sentuh] dah. Pok Joh jaga benar benda ni. Kadang-kadang kita berasa jemu kan, kita takleh jamoh tak jadi barang, punoh. Melarik tak jadi, mato kata laguni perut kata laguni fikiran kata laguni, dia tidak sepakat. *Memei* [memang] benda ni kata payah tak payah cuma masa tu kadang-kadang kalau puasa berhenti sahur pukul empat [4]. Start pukul sepuluh [10] berhenti pukul empat [4], berhenti dekat sahur. Musim tu musim kalut tu. Pekerjaan tu kerjaan kompong. Orang tempah kompong gok haa tekei la. Dia kompong ni, kita nak ambik waktu kena bagi masa. Kompong ni kalau masa pagi kena antara pukul 8 hingga pukul 10 la sedak [sedap], kalau musim panas la. Kalau lepas pukul 10 tu dia kulit akan kering, garing *doh* [dah]. Tak boleh kalau kita jack pun dia takkan - - -. Apabila dia sejuk malam, apabila kita paku pagi esok dia - - -. Dia kecut balik, haa kena bahagi masa kompong kena bahagi masa, gendang geduk apa semua tak perlu bahagi masa. Kita kalau nak buat gendangnya kalau boleh waktu malam la. Malam ni tenang *etek* [juga] malam ni, fikiran kita tenang waktu malam, dia sunyi bermakna *takdok* [tiada] gangguan malam ni. Kadang-kadang tu kalau tengah hari kalau mari duduk kecek *kei* [kan] kita duk buat kerja, Pok Joh berhenti buat kerja, kecek la dulu *nok* [nak] kecek gak. Bermakna itu gangguan fikiran kita jadi terganggu. Kita nak tumpu *hok* [yang] ni *pahtu* [selepas itu] tumpu *hok* [yang] *nok* [nak] sambung *hok* [yang] kecek demo lagi. Kadang-kadang gitu la, kalau gambir gendang takleh terpaksa sebabnya gendang ni kita kena buat sebelum kulit kering. Melarik pun lagutu jugak, melarik kena tekan suis mati dah. Bahaya tangan duk

nyocoh mata alah kelain, haa sini bahaya. Kadang-kadang kecek paling, dia *hok* [yang] bahaya sekalinya masa duk melah, masuk ibu jari celoh haa tu bahaya. Kalau mlarik Pok Joh berhenti la kalau nyocoh ko *gapo* [apa] takleh nak main - - - mata duk tumpu situ, bermakna benda bahaya. Tapi terganggu la fikiran kita. Walau *gapo* [apa] sekali pun dia nak benda tenang kan, kalau baca menghafal pun kalau duk gegei *gapo* [apa] masuk dok, *tok* [tak] masuk. *Bakpo* [kenapa] telingo nuh duk dengar (ketawa) tumpu koktu kokni. Hati kita pun duk tumpu ke *hok* [yang]ni jah, dia masuk. Kalau duk belajar dalam - - -, kita nak ngaji Al-Quran pun takleh. Jadi banyak tumpuan. Dia nakkan ketenangan so karo, sabik orang duk hafal sampai pukul 2 3 malam, tak tido kerana nakkan ketenangan. Tengah hari ni banyak gangguan, lepas barang pula mat akita dia gi dia gi *doh* [dah], tak tumpu sini *doh* [dah] gi *doh* [dah]. *Pah* [lepastu] *kito* [kita] duk buat kerja, mata duk tumpu situ sini meta gok kena la. - - - kata jangan pegang lagutu, bidah mugo *gotu* [benda tu] - - - mujur tak tembus. Lagutu la bendanya tidak bahagi masa.

**AF : *Okay* [baiklah] soalan seterusnya berapakah masa yang diambil untuk membaiki alat muzik yang rosak?**

**THY :** Dia *hok* [yang] makan masa, makan masa. *Hok* [yang] tak makan masa, tak makan masa. Dia *hok* [yang] makan masa, gendang makan masa geduk makan masa tu. Bermaknanya dia yang makan masa ni kena barang tu jadi dua, gendang muka ibu kena gambir muka ibu dulu takleh nak gambir sekali, bui sudah muka ibu dulu kering muka ibu baru dia ambik cat ni. Dia kurang-kurang 3 hari siaplah. Kita ambik masa panjang dah tu 3 hari tu, kalau musim panas

dalam 2 hari jah, siaplah 2 hari. Kalau kita nak emergency lagi sehari, itu atas taktik kita la. Kalau mengikut gendang ni kalau kita nak baikpulih dia, kita kena baikpulih ikut kulit lembu dulu. Kalau kulit kita rendam sekali dulu, kulit kambing pun kita rendam kulit lembu pun kita rendam. Proses kulit muka dulu, kita jemur sejam. Boleh becak dia tak lokoh balik takpela. Sehari je sudoh [selesai] la.

**AF** : *Okay [baiklah] seterusnya berapa banyakkah alat muzik yang dapat dibaiki dalam masa sehari?*

**THY** : Aih bermakna kalau nak ambik - - - sehari takleh. Kalau kita duk proses pembaikian alat muzik sehari, harini *memei* [memang] takleh [tidak boleh]. Dia membaikpulih ni ibarat semua, dia bukan kita kata kulit pecah, koyak tumpuan kita bukan di kulit sahaja, kita tumpu semua di atas barang sebutir barang tu, contoh kompong semua kena baikpulih belaka. Bukan kita kata baikpulih, baikpulih saja. Ni cara Pok Joh kerja, walau tuan tak suruh pun kita kena baikpulih semua, semua kita kena baru [baharukan] sini. Bermakna dia datang ambil tu dia letak situ dia tak kenal barang dia, haa dia tukar rupa dah. Sini kita kata bukan baikpulih, baikpulih saja, semua kita kena baikpulih di kompong tu kena baru. Kita kene syelek dalam luar macaa molek, sudah tu gambir *gotu* [macam tu] *goni* [macam ni] syelek pulak lepastu spray clear pulak jadi berkilat bersinar bermakna tuan tak kenal dah, bukan hak dia *doh* [dah]. Banyak benda lagutu, kadang-kadang rebana tu kan *hok* [yang] berdikir kompong *gapo* [apa], kita letak dalam ramai-ramai kan, ambik la *hok* [yang] demo, demo kenal. Eh takleh nak ambik, barang serupa belaka. Kalau *hok* [yang] buruk dah jadi baru.

Kita bukan baikpulih sesuatu benda, walau gendang kena jadi baru semula.

**AF : Okay. Soalan seterusnya, adakah alat muzik tradisional ini masih mendapat sambutan oleh orang ramai pada masa kini?**

**THY : Okay. Dia sekat [kalau] buat alat muzik ni, dia *hok* [yang] paling tinggi sekali. Dia start-start [mula-mula] mula Covid (wabak virus). Start dari Covid, Covid meningkat-meningkat, *tok* [tak] *lamo* [lama] beberapa tahun tu, kuranglah alat muzik ni. Ada pun dalam sebulan ke tiga bulan, itulah. Pasal kebudayaan *takde* [tiada] aktiviti *kea* [kan]. Masa *loni* [sekarang] insha-Allah, lepas covid insha-Allah. *Tokde* [tak sempat] *pulok* [pula] *kito* [kita] *nok* [nak] *buatnyo* [buatnya].**

**AF : Okay. Kita akan ke beralih ke bahagian seterusnya iaitu bahagian pengalaman dalam muzik tradisional.**

## TAMAT BAHAGIAN 5

### **BAHAGIAN 6 : PENGALAMAN**

**AF : Soalan pertama adalah bagaimana encik memperolehi ilmu dalam mengendalikan alat muzik tradisional ini?**

**THY : Okay. Dia. Dia start pengalaman ni boleh buat alat muzik ni kerana kita orang seni. Kita orang lebihkan seni kebudayaan ni bermaknanya pembuatan alat dulu dia asal boleh berbunyi. Dia tak kira kualiti tu. Suara dia tak kira. Alat rebana dikir ke atau gendang ke, tak kira. Buat tu rebana perasaan dia, kita tak puas hati. Tapi bila main palu atau buat persembahan tu, kita kena ada perasaan.**

Kalau tiada kemahiran kita atau tahap kita tu, tiada. Lepastu, biarlah ada persempahan, belajarlah masa tu. Mula-mula, dikir-dikir tu tak sempat. Datanglah rasa nak buat alat muzik. Masa tu, cari kayu nak buat alat. Saja-saja. Lepastu berguru, tuntut ilmu cara nak buat alat muzik dengan berguru dari segi saiz, bunyi, alat. Mula start buat alat rebana dikir barat, tanya kawan nak buat macam mana. Lepastu kita buat sendiri. Tengah buat tu lama-lama menjadi. Buat sampai tiga [3] tahun. Walaupun ambil masa lama, tetap kena tuntut ilmu juga lagi hahahaha (gelak). Sebelum ni, pengalaman memang tiada. Kita belajar sendiri. Yang pertama kita buat macam ni. Lepastu buat macam ni. Yang penting kita nak pengalaman tu. Lepas dapat tu, kita buat kelas satu [1]. Dah elok, kita buat kelas dua [2] untuk budak sekolah. Dapatlah duit tu. Berbelas ribu juga dapat. Kalau ikut gred, memang lagi mahal. Lagipun, kita mengajar untuk budak sekolah, jadi kelas bersama guru pun kita minta bayaran biasa. Buat sebab atas jiwa. Okay.

**AF : Okay, soalan seterusnya. berapa lama masa diambil encik untuk belajar alat muzik tradisional?**

**THY :** Okay. Masalah belajar ni, benda macam ni nak boleh dapatkan ilmu ni, kena jumpa semua orang untuk berguru dengan secepat mungkin. Kadang-kadang, belajar ni kadang-kadang belajar sampai empat bulan ni, kita semua tak tahu apa. Wajib belajar masa pokjoh dulu adalah buat rebana dikir dan gendang makyong dan belajar selama sembilan hari. Mula dari pukul sembilan [9] pagi, enam [6] petang sampai dua belas [12] malam pun belajar lagi. Banyak alat belajar. Lama-lama belajar. Kita kena faham, seni tu tinggi. Dalam diri kita itu

adalah seni asli dan sejati. Bermakna kalau niat tu dah betul, cepat kita dapat ilmu tu. Ada juga syarat untuk dapat ilmu dengan cepat. Kita kena menghayati apa yang diajar oleh guru-guru kita. Panduan ni kena ikut. Kalau guru suruh kita buat macam ni tapi kita tak buat. Tak dapat. Kalau guru suruh kita buat. Kita ikut dia buat. Masa guru mengajar, kita kena cepat tahu apa dia ajar. Guru pun tak boleh ajar main-main. Guru pokjoh ajar main lagu dikir pula. Guru pokjoh ajar main lagu dikir barat dan ajar main irama tabuh (irama pembukaan persembahan dikir barat) dan seterusnya. Gendang apa semua belajar dengan dia. Itu zaman pokjoh. Seminggu pun dah dapa (ketawa).

**AF : Okay, soalan seterusnya adalah adakah encik menurunkan ilmu seni alat muzik tradisional kepada anak-anak encik?**

**THY :** Kalau ikutkan, banyak dah ajar anak-anak seni. Kalau dah pandai, biarkan saja. Kanak-kanak ini kalau ada asas dah. Buat macam mana pun, dia dah boleh belajar. Dia ngaji [belajar] tanpa ada tekanan. Kalau ngaji [belajar] ada tekanan. Dia jadi bengong [lembab] dan panik. Kadang-kadang nombor satu, perut (membahasakan anak beliau yang mempunyai keberanian) kena berani. Perut dia tak takut. Hati dia tu kena berani, bukan kecil. Dia kadang-kadang ni, dia malu sesama sebaya dia. Yang eloknya, kita jemput dia masuk dan kita bagi pencerahan. Dia jadi tekanan sebab takut. Kita nak hati dia berani. Memang takut, belajar tak tahu apa-apa dengan guru. Pokjoh pun takut. Tangan sejuk kalau mengadap guru ni. Serunai pokjoh pegang tu jadi sejuk. Takutnya. Di sini, (ketawa). Mung [kamu] jangan takut dan kena berani. Jangan takut, marilah [jom belajar]. Tapi kita cakap macam. Tahap guru ni tinggi, tahap dia tu

bagi kita takut berguru. Belajar macam kena kurung. Sejuk tangan ni. Tok guru. Kita tak pandai. Macam-macam lah tekanan. Okay.

**AF : Okay, soalan seterusnya. apakah reaksi masyarakat tempatan terhadap seni muzik tradisional pada pendapat encik?**

**THY :** Okay, kita rasa ikut beza tempat. Beza tempat dan kawasan, iaitu kawasan kita. Macam mana pun kita nak campur-adukkan semua orang jadi kita ikut sekitar kawasan kita. Sekitar kawasan ni alhamdulilah dapat sokongan dari segi mengajar sekalipun. Pasal kita bincang sesama mak ayah anak mereka. Kita muzakarah dengan mak ayah anak mereka kerana mereka minat belajar. Kita ajar main rebana, tanya anak mereka. Masa mengajar anak mereka dekat sini kita bertanggungjawab. Cuma kita bahagi masa pula dengan budayaan dan budak sekolah ni, bilangan lebih kepada kebudayaan dan kehadiran sekolah. Masa tahap, masa sejam atau dua jam. Masa tu pula, kalau malam belajar tu tak boleh lebih dari pukul 10. Semua sokong, semua sokong. (bunyi motor kuat). Sokongan ibu bapa tu penting. Tak boleh mengajar cara dengan buku dan cara itu. Kita guna cara kehadiran atau belajar masuk dulu. Yang mana rela dengan kawan-kawan, bereh lah (okay lah).

**AF : Soalan seterusnya, apakah pencapaian encik dalam bidang muzik tradisional ini?**

**THY :** Okay, pencapaian ni, boleh kata. Kalau untuk pencapaian ni, kalau dari sini. Bolehlah. Bermakna nak kata macam ni ke awak tak sangat. Kalau dari segi pertandingan, memang tak boleh nak langkah (maksudnya banyak). Kalau tak boleh masuk pertandingan, pokjoh tak masuk. Kalau pokjoh masuk, jangan

haraplah dalam kelantan ni nak masuk (usah nak menang). Kalau pokjoh masuk, memang jangan haraplah menang. Ini pokjoh tak masuk je. (Ketawa)

**AF : Okay, soalan seterusnya. pernahkah encik mengalami kecederaan dalam proses mengendalikan alat muzik tradisional?**

**THY :** Okay, dia empat puluh [40] tahun buat, ada lah luka dua [2]- tiga [3] titik darah. Dia masa mata tak perasan. Dia perkara ni sifat perkara ni sebab bukan kita nak. Bermakna, mata tengah melah [memotong], tangan tengah melah [memotong]. Kadang-kadang ni ibu tangan tu termasuk celah alat. Bengkak tangan ni. Dalam sedar tak sedar, tangan luka dah. Mata tumpu tempat lain. Masa itu lah kena paling teruk sekali. Lepastu tak kena luka dah.

**AF : Okay, soalan seterusnya. apakah pengalaman manis yang diperolehi sejak menceburkan diri dalam bermain alat muzik tradisional?**

**THY :** (ketawa) dia paling banyak dalam pertandingan lah. Kalau pertandingan ni biasa lah. Kepuasan kita tu berpuas hati lepas susah payah kita belajar selama ni. Bukan takbur, kepuasan kita ni alhamdulilah tercapai. Apa yang kita nak tu tercapai. Pertandingan ni tak nak perkara lain, cuma nak nombor satu sahaja. Jadi alhamdulilah. Suka lah kita. Yang mana masa susah lelah kita belajar dan tungkus-lumus. Selesai. Bermaknanya dekat situ berasa terima kasih lah. Hajat kita tercapai. Kepuasan tu memang *habis* [tercapai]. Sukanya. Bukan ego (ketawa) bukan nak bangga. Maksudnya kepuasan kita tercapai. Apa yang kita nak, kita dapat.

**AF : Okay, soalan seterusnya, pernahkah encik merasa putus asa sepanjang mengendalikan alat muzik tradisional ini?**

- THY : Dia setakat buat kerja ni, tak putus asa. Tak pernah langsung putus asa. Buat macam mana sekalipun, pokjoh tak pernah putus asa walaupun barang kena curi dan beli barang tak dibayar, itu cuma bukan rezeki kita. Ramai yang tak bayar. Tapi tak pernah putus asa. "malas buat lah aku, asyik buat je tak dapat untung". Itu bukan sifat pokjoh. Tu bukan sifat pokjoh. Itu kira nilai tiada rezeki. Kalau kita putus asa dengan rezeki, terkubur niat. Itulah pentingnya.
- AF : **Okay, soalan seterusnya. pernahkah encik ditembual oleh pihak media?**
- THY : ada.
- AF : **Okay, soalan seterusnya lagi. berapa lamakah seseorang mengambil masa mahir dalam mengendalikan alat muzik tradisional?**
- THY : Perkara ni. Macam apa yang pokjoh bagitahu. Nak main alat ni, dia bermakna nak boleh ke main bukan dengan sekilip mata. Kita nak ajar sebulan, dua bulan, setahun, dua tahun. Itu atas bergantung kepada kemahiran kita dapat ilmu atau tak. Kalau kita belajar cepat, dapat main. Kalau belajar lambat, lambatlah dapat. Bermakna kita nak menentukan seseorang belajar sebulan dua bulan, tak dapat ditentukan. Kita tak boleh nak tentu. Hmm
- AF : **Okay, soalan seterusnya. adakah encik mengadakan kelas untuk mengajar alat muzik tradisional...(mencelah dari pokjoh)**
- THY : Tunggu dulu. Tapi kalau buat kelas mengajar. Mereka ni dulu ajar juga. Tapi bermasalahnya orang luar datang belajar tu sekali sahaja. Dia pegang dan tengok sahaja. Kemudian, tak datang. Payah.boleh kata payah. Payah sangat. Senang tengok. Main tu. Ada tu main belajar tu. Perkara macam ni alat muzik ni macam cara ajar kraftangan. Kraftangan walaupun tak berapa jadi boleh guna lagi. Tapi

kalau wayang kulit kalau tak jadi, tak boleh guna dah. Dia jadi tak berkesan. Jadi payah. Kalau kita ni nak tekankan tak boleh. Kalau dewasa ni, bolehlah nak tekankan. Kalau budak kecil ni, menangis mereka ni. Bermakna kita ajar bukan kita nak cakap marah ke bengis, tak. Masalahnya kita bagitahu macam ni, buat macam itu tapi dia buat macam ni. Dekat situ adalah tekanan lebih kurang. Bukan kita marah, kalau mereka itu marah atau kecil hati, mereka tak boleh ilmu lah. Janganlah kecil hati. Itulah keuntungannya. Kalau orang luar ni rasa macam susah nak belajar “malas aku, payah sangat”. Kita tak boleh nak tekankan mereka. Kalau isteri kita, bolehlah. Kalau mereka pandai, tak rasa susah pun. Kita nak belah rotan lagi, nak menarik rotan lagi, nak cari kayu lagi. Mereka tengok sahaja. Rugilah buang masa. Ni baru cari bahan. Kita bukanlah nak paksa mereka, tapi tolong-menolong ni nak bagi ada kerjasama. Kalau dia boleh buat lebih baik. Itu je. Mujurlah. Banyak perkara nak ajar tapi tak boleh.

**AF : Okay, soalan seterusnya pernahkah encik terlibat dalam membuat persembahan di luar negara?**

THY : Dia persembahan luar negara kerap sangat. Tahun 90an. Di itali, itu di perancis. Dia tiap-tiap tahun. Masa di perancis. Tahun kedua di turki, singapore. Lepas balik turki pergi singapore. Tiga minggu di singapore. Duduk di hotel mikod, singapore. Lepastu tahun ketiga, pergi ke itali. Sebulan tak balik. Masuk ke siam. Masuk ke berlin, jordan. Itu yang pergi. Jepun tak sempat pergi. Badan tak segar (sihat). Jepun pergi dengan kawan-kawan. Pokjoh seorang. 22 orang kawan dengan pegawai. Pergi main serunai. Hahahaha. Tak sempat pergi jepun.

Beg terbengkalai macam tu. Check in dah. Itu jelah. Hahahaha

**AF : Okay, kita akan beralih pula ke bahagian sumbangan.**

#### **TAMAT BAHAGIAN 6**

#### **BAHAGIAN 7 : SUMBANGAN**

**AF : Okay, menurut encik, apakah sumbangan encik berkaitan seni alat muzik tradisional ini kepada keluarga?**

**THY : Dia sumbangan ni. Keluarga ni. Biasa-biasa. Bagi makan okay je. Kalau sumbangan ni, tiada. Kita buat ini atas kewangan lah. Perbelanjaan tu. Bermaknanya kita cakap kita ada bahagian. Bermaknanya pokjoh kalau boleh lima ribu [5000] ringgit atau empat ribu [4000] ringgit sebulan, ambil lah dalam lima ratus [500]- enam ratus [600] tu untuk kita malas nak beli bahan dan ada lebih, isteri yang simpan. Pasal kita tak reti. Situ atas kita pandai bahagi. Sesetengah orang banyakakan untuk diri sendiri. Pokjoh bukan macam tu. Kalau barang tu jual seribu [1000] ringgit atau seribu empat ratus [1400] ringgit. Kalau anak-anak yang dah kerja tu, kita bahagi seratus [100] ringgit - dua ratus [200] ringgit. Kalau kita ambil seratus [100] ringgit, bolehlah. Sebab kita menteri besar, untungnya dia. Kalau kita menteri besar atau menteri kewangan adalah kita, (bunyi lori). Kadang-kadang (bunyi motor) \_ \_ \_ tapi sekarang ni, kalau masa ni, duit tu untuk buat sakit. Jadi tak boleh nak aktif sangat. (ketawa).**

- AF** : Pada pendapat encik, apakah pula sumbangan encik kepada masyarakat?
- THY** : Sumbangan pada masyarakat ni, banyak jasa. Pokjoh ni jenis sponsor [biaya], banyak sponsor [biaya] kebudayaan. Habis duit. Kalau kita panggil (audio kurang jelas) yang paling besar sekali, pembinaan balai polis gelang mas. Berapa ribu pokjoh habis [maksudnya belanja]. Sponsor [biaya] polis tu. Ada orang atasan putrajaya dan hadiah sempena hari polis. (bunyi motor) gendang silat lagi, serunai lagi. Kalau kata persembahan, berapa ribu dapat. Tapi kita tanggung rm20. Belanja masa tu tanggung-tanggung. Kalau mesyuarat apa semua, memang dia bagi [duit]. Usul cadangan masa tu dia, dai nak buka balai polis tu, beras orang dah bagi. Beras orang dah bagi dari rantaui panjang. Nak campur dengan jenis beras dengan duit tiada. Polis ni tiada bajet. Dia tiada. Tiada peruntukan nak buat sesuatu. Dana kena cari sendiri. Mereka panggil mesyuarat dalam dua puluh [20] orang. Panggil mesyuarat tak boleh buat keputusan. Nak ambil bajet pendapatan nak buat macam mana, setengah nak minta derma dari rumah ke rumah. Kira macam tak jadi. Bajet kita tak lulus. Kalau orang tak dapat bagi, *nayalah* [kesianlah]. Kalau *pitih* [duit] orang ada seringgit, anak nak sekolah esok. Kalau bagi, *nayalah* [kesian] anak dia. Tak sekolah anak dia. Tak boleh macam ni. Lepastu macam mana, katanya sokong kena sokong, tak sokong tetap sokong juga. Sebab kerja macam ni tak boleh tangguh. Malu orang tahu buat macam ni. Katanya, tiap-tiap orang dalam ni, *kawe* [saya] nak lima puluh [50] *yar* [ringgit] seorang macam dibincang dalam mesyuarat sebelum ni. Lima puluh [50] *yar* [ringgit] kalau orang yang korporat bagi lima ratus [500] *yar* [ringgit], tak apa. Kita terima. Kita terima macam

